



PENUNTUT UMK mengambil gambar hiasan di Taman Payung Angkasa ciptaan kakitangan universiti.



USM
PULAU PINANG

AKU DAH JADI SISWA!

■ Ribuan pelajar baru daftar masuk universiti di seluruh negara untuk sesi 2013/2014

Oleh Nor Azura Abdul Jalil dan Norul Awatif Romli
am@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Kebanyakan institusi pengajian tinggi awam dan swasta tempatan semalam 'dibanjiri' pelajar dan ibu bapa yang menghantar anak masing-masing sempena pendaftaran kemasukan pelajar baru sesi 2013/2014.

Walaupun ribut petir dan hujan lebat berlaku di hampir semua negeri termasuk ibu kota, namun proses pendaftaran berjalan lancar.

Bagi Universiti Sains Malaysia (USM) permohonan kemasukan yang diterima adalah melebihi jangkaan apabila 4,684 pelajar diterima masuk mengikuti pengajian di kampus induk, Kampus Kejuruteraan Nibong Tebal dan Kampus Ke-

sihatan Kelantan.

Naib Canselor USM Profesor Datuk Dr Omar menerusi satu kenyataan berkata, daripada jumlah itu kira-kira 68.5 peratus adalah pelajar perempuan dan ia dijangka meningkat kepada lebih 70 peratus di kampus induk.

Menurutnya, daripada jumlah keseluruhan 4,500 rayuan kemasukan hanya 200 pelajar saja yang akan

diambil untuk mengikuti pengajian di universiti berkenaan.

Sementara itu, daripada jumlah keseluruhan 5,072 tempat ditawarkan di Universiti Malaysia Sabah (UMS), seramai 1,666 pelajar sudah mendaftar pada sesi pendaftaran yang diadakan di setiap kolej kediaman Universiti EcoCampus bermula jam 8 pagi semalam.

Semua pelajar mengikuti

Minggu Suai Mesra (MSM) selama seminggu sebagai persiapan menyesuaikan diri dengan suasana baru di kampus.

Di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), seramai 744 pelajar daripada keseluruhan lebih 3,300 pelajar yang mendaftar semalam menjadi penghuni terawal kampus UniCITI Alam yang terletak tidak jauh dari sempadan Malaysia-Thailand.

Kampus berkenaan bernilai kira-kira RM200 juta mula yang beroperasi semalam turut menempatkan 744 pelajar perintis yang ditempatkan di 480 unit apartmen.

Di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Raduan Che Rose berkata, seramai 2,100 pelajar mendaftar semalam daripada 3,000 tawaran yang dibuat kepada



UMP, Kuantan
PAHANG

NAIB Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Datuk Dr Dairi Nasir Ibrahim bertemu pelajar baru.



UTeM, Durian Tunggal
MELAKA



UiTM, Shah Alam
SELANGOR

